

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : Y.B. TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD  
[ KANGAR ]**

**SOALAN NO. 524**

**Y.B. TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [ KANGAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana Kerajaan akan gunakan baki premium yang telah dibayar kepada syarikat takaful tetapi tidak dituntut dan faedah simpanan terkumpul dalam Tabung MySalam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Perlindungan Kesihatan Nasional mySalam (mySalam) adalah inisiatif Kerajaan diperkenalkan pada Belanjawan tahun 2019 bertujuan menyediakan perlindungan kesihatan takaful percuma kepada individu B40 yang juga penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) berumur 18 hingga 55 tahun, serta pasangan mereka. Inisiatif ini menjadi realiti melalui kerjasama dengan syarikat insurans, Great Eastern Holdings yang bersetuju menyumbang caruman dana permulaan sebanyak RM 2 bilion ke dalam dana amanah mySalam. Kos caruman takaful diberikan pada harga RM112 setiap tahun untuk tempoh lima (5) tahun.

Dalam Belanjawan 2020, manfaat Skim mySalam telah diperluaskan seperti berikut:

- i. Perlindungan ke atas 45 penyakit kritikal berbanding 36 penyakit kritikal pada tahun semasa;
- ii. Penerima BSH dan pasangan yang berumur sehingga 65 tahun;
- iii. Individu yang mempunyai pendapatan kasar tahunan sehingga RM100 ribu yang akan menerima bayaran penyakit kritikal sebanyak RM4 ribu dan bayaran penggantian pendapatan sebanyak RM50 sehari untuk tempoh maksimum 14 hari apabila didiagnos dan dimasukkan ke hospital kerajaan.
- iv. Individu bujang berumur 40 tahun dan ke atas dengan pendapatan kurang daripada RM2 ribu sebulan; dan
- v. Individu bujang OKU.

Pakej yang ditawarkan oleh Great Eastern telah disemak oleh pihak Bank Negara Malaysia supaya mendapat nilai terbaik untuk rakyat. Great Eastern juga tidak akan mendapat apa-apa keuntungan daripada Skim ini kerana sebarang lebihan perlu disumbang semula ke dalam dana mySalam selepas selesai tempoh skim selama lima (5) tahun. Premium yang telah dibayar kepada pengendali takaful untuk menguruskan Skim ini akan digunakan untuk membayar tuntutan daripada benefisiari, mengikut kriteria yang telah ditetapkan untuk kelayakan tuntutan. Sekiranya jumlah tuntutan kurang daripada premium yang telah dibayar untuk takaful, lebihan akan disumbang semula ke Dana Perlindungan Nasional B40, untuk jangka panjang keseluruhan Skim mySalam ini dan bagi faedah benefisiari.